

Mengenal Pasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru

Norani Mohd Noor & Ruzilayati Rameli

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kepuasan kerja merupakan salah satu elemen kerja yang penting bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian sesebuah organisasi terutamanya sekolah. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal. Kajian deskriptif telah digunakan untuk mengenal pasti lima pemolehubah iaitu faktor beban kerja, kepemimpinan pengetua, rakan sekerja, persekitaran tempat kerja dan disiplin pelajar. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang mempunyai 30 item. Sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 30 orang guru-guru teknikal. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Science*) Versi 11.5 For Windows. Hasil analisis dinyatakan dalam bentuk statistik kekerapan, peratus dan nilai min. Dapatan kajian menunjukkan faktor rakan sekerja dan kepemimpinan pengetua mempengaruhi kepuasan kerja. Faktor lain seperti beban kerja, persekitaran kerja dan juga disiplin pelajar mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru-guru teknikal. Bagi tujuan kajian lanjutan pada masa akan datang penyelidik dicadangkan mengkaji kepuasan kerja ini dari aspek-aspek yang lain dengan menggunakan kaedah dan responden yang berbeza.

Katakunci : faktor, kepuasan kerja, guru teknikal

Pengenalan

Menjelang tahun 2020 sektor perindustrian dan perdagangan akan jauh bertambah lebih maju daripada sekarang. Ini bermakna, tenaga mahir yang berketrampilan, tangkas dan inovatif perlu dihasilkan untuk memenuhi kehendak kedua-dua sektor tersebut. Ini kerana tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dan mahir dalam teknologi terkini merupakan elemen terpenting bagi mewujudkan industri berasaskan sains, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya iaitu:-

“Sektor pendidikan negara harus melalui satu arus perubahan yang terancang untuk melahirkan tenaga kerja.”

“oleh itu, bidang pendidikan yang berasaskan sains dan teknologi telah dan sedang diberi penekanan di peringkat sekolah dan pasca sekolah khususnya di peringkat kolej teknikal, kolej serta universiti,”

“pendekatan atau cara pembelajaran juga perlu terus dihalusi supaya dapat melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara kreatif dan berdikari serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dalam kerja harian”

(Utusan Malaysia, 23 Ogos, 2004)

Oleh sebab itu Kementerian Pendidikan terutamanya dibawah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) perlulah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan negara untuk melahirkan tenaga kerja mahir. Sejarah penubuhan Bahagian Pelajaran Teknik dan

Vokasional telah bermula pada tahun 1964 dan ia merupakan pendidikan yang menggabungkan latihan kemahiran dan pengetahuan teori kepada pelajar dalam usaha untuk menyediakan pekerja yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang industri. Ia merupakan salah satu langkah awal kerajaan untuk mendedahkan pelajar-pelajar dengan kemahiran dan teori yang praktikal bagi memenuhi permintaan keperluan tenaga mahir negara. Oleh itu, pihak sekolah merupakan peranan terpenting dengan memastikan guru-guru dapat menjalankan tugas dengan baik dan cekap untuk melahirkan pelajar yang berkualiti untuk masa depan negara.

Penyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal di sekolah menengah teknik daerah Johor Bahru kemungkinan terdapatnya pengaruh faktor kepuasan kerja dari aspek kepemimpinan pengetua, hubungan rakan sekerja, beban kerja, persekitaran kerja dan disiplin pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara amnya adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan guru teknikal di sekolah menengah teknik daerah Johor Bharu.

- (i) Menenalpasti sama ada beban kerja mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru.
- (ii) Menenalpasti sama ada rakan sekerja mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru.
- (iii) Menenalpasti sama ada kepemimpinan pengetua mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru.
- (iv) Menenalpasti sama ada persekitaran kerja mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru.
- (v) Menenalpasti sama ada disiplin pelajar mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana tahap kepuasan kerja dan memberi gambaran mengenai keadaan profession perguruan pada hari ini. Selain itu ia juga boleh dijadikan panduan kepada guru memahami kelemahan bagi mencapai kepuasan dalam tugas mereka. Guru merupakan model kepada organisasi pendidikan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Oleh itu pihak pentadbir dan pendidik wajar mengetahui perkembangan ikhtisas guru-guru disekolah untuk menjadikan mereka seronok mengajar dan berdedikasi bagi meningkatkan mutu pendidikan. Selain itu, kajian yang dijalankan ini juga berguna untuk program-program pendidikan yang disediakan oleh KPM atau JPN. Ini kerana melalui kajian ini, pihakpihak tersebut dapat mengetahui keberkesanan program yang telah dirancang sama ada memberikan kepuasan yang sepenuhnya kepada guru-guru.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan Deskriptif. Rekabentuk kajian telah dipilih bagi tujuan berikut :-

- (i) Menenal pasti kepuasan kerja di kalangan guru-guru teknikal secara keseluruhan
- (ii) Menenal pasti faktor yang mendorong kepuasan kerja di kalangan guru-guru teknikal
- (iii) Menenal pasti kepuasan kerja berdasarkan lima aspek yang di berikan.

Pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini ialah pembolehubah tak bersandar iaitu dari aspek faktor beban kerja, rakan sekerja, kepimpinan pengetua, persekitaran tempat kerja dan disiplin pelajar. Pembolehubah bersandar pula kepuasan kerja. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999) penyelidikan berbentuk tinjauan ini akan mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja. Penyelidik hanya meninjau situasi pada satu-satu masa sahaja. Ia seolah-olah "foto shapshot" sesuatu peristiwa.

Menurut Van Dalen (1979) dalam Wahida (2004), kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi daripada pembentukan item-item soal selidik. Kajian tinjauan sesuai digunakan dalam penyelidikan ini kerana kajian ini bermatlamatkan untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah.

Sampel

Mengikut jadual penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejice dan Morgan (1970). Jika bilangan populasi adalah seramai 30 orang, sampel yang perlu digunakan adalah seramai 28 orang. Tetapi dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kesemua populasi kerana saiz populasinya yang kecil.

Jadual 1: Jumlah bilangan Sampel

Sekolah Teknik	Bilangan guru	Bilangan guru teknikal
Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru	48	10
Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru	76	11
Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri	88	7
Sekolah Menengah Teknik ERT Azizah	46	2

Instrumen Kajian

Menurut Syaharom (1990), instrumen kajian merupakan alat pengukuran yang digunakan untuk mengumpul maklumat tentang sesuatu subjek. Didalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kerjasama subjek untuk menjayakan penyelidikan (Majid Konting,1990). Soal selidik juga mudah ditadbir dan jika dibina dengan baik adalah mudah di analisis (Reevus,1994)

Dalam kajian ini, penyelidik membentuk soal selidik berdasarkan kajian-kajian lepas seperti yang digunakan dalam Turina Tumeran (2002) dan Wahida Saul (2004) serta berdasarkan pendapat atau idea pengkaji sendiri yang merangkumi dari segi aspek-aspek kajian yang dikaji. Penyelidik menyerahkan satu set soal selidik kepada setiap responden dan perlu menjawab soal selidik yang dikemukakan secara bertulis berdasarkan kepada arahan yang diberikan. Soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Bahagian A berkaitan dengan maklumat diri responden yang mengandungi 5 item bertujuan untuk memperoleh maklumat mengenai jantina, umur, taraf perkahwinan, kelayakan akademik dan bilangan waktu mengajar dalam seminggu. Soal selidik yang dikemukakan adalah berbentuk nominal dimana responden perlu menjawab dengan menandakannya pada tempat yang disediakan.

Bahagian B

Pada bahagian ini terdapat 30 item yang berkaitan dengan 5 elemen kepuasan kerja di kalangan guru-guru teknikal sekolah teknik daerah Johor Bahru.

Jadual 2: Jumlah bilangan item-item

Bil	Elemen kepuasan kerja	Item positif	Item negatif	Jumlah item
1	Bebanan kerja	1,2,3,5,6	4,7	7
2	Rakan sekerja	8,9,10,11,12	-	5
3	Kepimpinan Pengetua	13,14,15,16,17,18	-	6
4	Persekitaran kerja	19,20,21,23,24	22	6
5	Disiplin pelajar	25,26,27,28,29,30	-	6
Jumlah		27	3	30

Dalam bahagian B ini responden diberikan 5 jawapan dalam bentuk skala Likert yang mempunyai 5 pilihan maklum balas yang diberikan skor. Pilihan-pilihan tersebut adalah seperti dalam jadual 3 dibawah.

Jadual 3 : Skala Likert

Likert	Maklum balas
1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Tidak pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

Sumber: Mohd Najib, 1999

Tujuan utama skala likert adalah untuk mengukur kepuasan kerja di kalangan guru-guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru. Skala Likert digunakan dimana responden dan subjek dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohd Najib, 1999). Responden dikehendaki menyatakan peringkat persetujuan atau tidak terhadap soalan-soalan yang dikemukakan.

Pengukuran teknik Likert 5 mata ukuran dibuat untuk mengelakkan daripada kecenderungan responden yang biasanya memilih jawapan pertengahan sahaja. (Mohd Najib, 1999) menyatakan teknik Likert mempunyai koefisien kebolehpercayaan yang lebih tinggi daripada teknik-teknik lain bagi mengukur sikap positif atau negative terhadap sesuatu kenyataan. Selain itu, teknik ini juga dapat mengurangkan selisih rawak dalam ukuran kerana ia mengambil

kira dua kali ganda purata iaitu skor purata bagi semua item dan purata bagi semua responden dengan menjawab item-item berkenaan.

Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar, penyelidik membuat kajian rintis dengan menggunakan 8 orang guru teknikal dari Sekolah Menengah Teknik Muar yang dipilih secara rawak. Responden kajian rintis ini terdiri daripada guru Teknikal dari Sekolah Teknik yang tidak terlibat dengan kajian sebenar.

Tujuan utama kajian rintis ini adalah untuk mengesan dan mengenalpasti sesuatu pernyataan yang tidak sesuai dan juga boleh mengelirukan responden semasa menjawab borang soal selidik. Kamarudin (1990) menyatakan bahawa tujuan untuk menguji soal selidik adalah untuk menentukan:-

- a) Soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat yang boleh memenuhi objektif kajian.
- b) Semua fasa penting kajian telah dirangkumi
- c) Memastikan soalan-soalan membolehkan kerjasama responden
- d) Soal selidik ditadbir secara lancar.
- e) Soalan difahami sepenuhnya oleh responden dan penemuduga.

Selain itu, kajian rintis ini juga adalah untuk mengenal pasti kesukaranesukaran item seperti kesalahfahaman soalan oleh responden, item yang mengelirukan berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah yang berkaitan. Pengkaji menggunakan ujian kebolehpercayaan dalam perisian SPSS (Statistical Package For The Social Science) untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 8 orang responden ialah 0.8194. Berdasarkan Pekali Alpha Cronbach, nilai yang boleh diterima dalam satu kajian ialah 0.8 – 1.0 seperti yang terdapat dalam Jadual 4 (Mohd Najib, 1999).

Jadual 4 : Pekali Alpha Cronbach

NILAI	TAHAP	RUMUSAN
0.0 – 0.2	Rendah	Ubah semua item
0.2 – 0.8	Sederhana	Ubah sebilangan item
0.8 – 1.0	Tinggi	Item boleh diterima

Sumber : Mohd Najib (1999). Penyelidikan Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia : Fakulti Pendidikan.

Oleh yang demikian, tahap kebolehpercayaan bagi item-item soal selidik yang dibuat oleh pengkaji adalah berada pada tahap tinggi iaitu item boleh diterima. Maka dengan ini, soal selidik yang dibina oleh pengkaji boleh digunakan untuk kajian ini dengan baik.

Analisis Data

Berdasarkan kepada keseluruhan analisis data dan keputusan kajian yang telah diperolehi mengikut persoalan kajian dirumuskan seperti Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Analisis Keseluruhan Peratusan dan Min Responden Yang Menjawab Persoalan Kajian

No.	Persoalan Kajian	Bilangan Item	Min	Tahap Penilaian
1.	Faktor beban kerja	7	3.63	Sederhana
2.	Faktor rakan sekerja	5	4.06	Tinggi
3.	Faktor kepimpinan pengetua	6	3.71	Tinggi
4.	Faktor persekitaran tempat kerja	6	3.55	Sederhana
5.	Faktor disiplin pelajar	6	3.57	Sederhana
Purata Keseluruhan		30	3.707	Tinggi

N = 30

Bilangan item = 30 soalan

Merujuk kepada Jadual 5 di atas menunjukkan analisis keseluruhan peratusan dan min responden yang menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan yang tertinggi adalah faktor rakan sekerja iaitu 4.06 diikuti faktor kepimpinan pengetua 3.71, faktor beban kerja 3.63, faktor disiplin pelajar 3.57 dan faktor persekitaran tempat kerja yang mempunyai min keseluruhan yang terendah iaitu 3.55. Purata min keseluruhan semua aspek yang dikaji ialah 3.70 dan berada di tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan faktor rakan sekerja merupakan faktor yang paling mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal di sekolah teknik daerah Johor Bahru.

Perbincangan

Dapatan persoalan kajian 1 diuji dengan menggunakan kaedah statistik diskriptif iaitu berdasarkan kepada nilai min dan peratusan. Berdasarkan Jadual 4.6, min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.63 yang menunjukkan beban kerja berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan item yang menunjukkan nilai min yang tinggi yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan.

Min tertinggi dari jadual ini ialah 4.23 iaitu pada pernyataan item 1 dan item 2 di mana hampir semua responden iaitu 80% responden bersetuju berkenaan dengan tugas penyenggaraan bengkel dan perkeranian yang membebaskan mereka. Begitu juga pada pernyataan item 6 di mana seramai 24 orang atau 80% responden bersetuju bahawa mereka sering menjadi guru ganti apabila ketiadaan guru. Daripada kajian ini, didapati terdapat ketidakpuasan kerja di kalangan guru terhadap tugas penyenggaraan bengkel, perkeranian dan guru ganti. Bertepatan dengan pendapat Ee Ah Meng (1997), yang menyatakan bahawa seseorang guru terpaksa menyediakan dan menaip kertas ujian, menandakan kertas jawapan, mengisi markah ke dalam buku rekod guru, mengisi kad penyata kemajuan, mengisi borang pinjaman buku dan rekod persekolahan murid. Ini kerana kebanyakan pekerjaan professional memerlukan banyak tugas perkeranian termasuklah juga profesion perguruan.

Kajian ini juga mendapati bahawa guru-guru teknikal sering diberikan jawatan penting di sekolah dan sering ditugaskan mengendalikan sambutan-sambutan tertentu di sekolah yang tidak berkaitan dengan tugas pengajaran mereka. Ini kerana jika guruguru diberikan tugas yang banyak ia akan mengganggu tugas pengajaran mereka dan akan menambahkan beban tugas mereka. Pembahagian tugas yang terlalu berat dan meluas hendaklah sebolehnya dielakkan agar guru

lebih bersedia dari mental dan fizikal dan seterusnya bermotivasi untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (Sufian, 1996).

Nilai min terendah pula ialah 2.26 iaitu terdapat pada pernyataan item 7. Seramai 70% responden tidak bersetuju bahawa mereka mengajar matapelajaran bukan opsyen. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru teknikal mengajar dalam opsyen mereka sendiri mengikut kelayakan yang di miliki. Cuma sesetengah guru sahaja yang mengajar matapelajaran lain iaitu seramai 6 orang responden.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor rakan sekerja merupakan faktor yang paling mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal. Ini kerana purata keseluruhan min menunjukkan nilai yang paling tinggi dengan 4.061. Hasil dapatan dalam jadual 4.7 juga menunjukkan dengan jelas purata keseluruhan responden bersetuju dengan faktor rakan sekerja yang paling mempengaruhi kepuasan kerja mereka.

Kajian ini mendapati kebanyakan responden bersetuju dan berpuashati dengan kerjasama yang diberikan oleh guru-guru lain sama ada dalam melakukan aktivitiaktiviti sekolah dan juga dari segi pengurusan kendalian bengkel. Sikap kerjasama yang ditunjukkan ini akan membawa kepada peningkatan prestasi dan produktiviti sekolah. Ini di sokong oleh Van Zelst (1952) dalam Zakaria (1999) yang menyatakan bahawa mereka yang pandai berinteraksi dengan rakan sekerja dalam satu kelompok akan meningkatkan lagi kepuasan kerja mereka.

Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Suthep (1986) mengenai perbezaan kepuasan kerja di antara ahli fakulti di beberapa kolej perguruan di Thailand. Kajian beliau mendapati ketidakpuasan kerja yang paling utama adalah dari segi perhubungan dengan rakan sekerja. Ini mungkin kerana persaingan diantara mereka menyebabkan timbul rasa tidak puas hati dan juga bilangan mereka yang besar.

Berdasarkan kepada min keseluruhan bagi dapatan kajian ini ialah 3.71 yang menunjukkan bahawa faktor kepimpinan pengetua mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru-guru teknikal.

Kajian ini juga menunjukkan guru-guru teknikal berpuashati dengan layanan yang diberikan oleh pengetua ketika berurusan, kepercayaan yang diberikan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti sekolah dan juga dalam memberikan pandangan dan pendapat. Ia selaras dengan kajian Collmer (1990) yang menyatakan kepimpinan pengetua yang menunjukkan ramah mesra, memberi perhatian dan peka terhadap keperluan idea yang di sumbangkan oleh guru akan dapat meningkatkan kepuasan kerja di kalangan guru.

Dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa responden kurang bersetuju dengan penghargaan pengetua terhadap kerja yang dilakukan oleh guru. Ini menunjukkan bahawa terdapat ketidakpuasan kerja di kalangan guru teknikal terhadap item tersebut. Menurut Herzberg (1966) pencapaian, kejayaan serta penghargaan dan pengiktirafan merupakan faktor yang di akui memainkan peranan dalam meningkatkan kepuasan kerja guru. Hasil kajian Du Toit (1993) dalam Arshad (1998) juga mendapati penghargaan pengetua ke atas pencapaian dan kejayaan guru merupakan pendorong utama untuk meningkatkan sikap yang positif di kalangan guru. Pengiktirafan kerja yang baik oleh pengetua mempunyai pengaruh yang positif di mana kepuasan kerja guru dapat dipertingkatkan (Miskel, Glassnao and Hatley, 1972).

Kajian ini mendapati faktor persekitaran tempat kerja juga berada di tahap yang sederhana iaitu dengan purata nilai min 3.55. Terdapat sebilangan item yang mengurangkan kepuasan kerja di kalangan guru iaitu kemudahan alatan bantu mengajar seperti LCD didalam bilik darjah yang digunakan dan sukar dipinjam untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan nilai min yang sederhana iaitu 3.13. Puncanya mungkin guru tidak berpuas hati

dengan kemudahan LCD yang disediakan dalam bilik darjah kerana tidak boleh digunakan. Tambahan pula dengan pihak pentadbiran yang mengenakan prosedur mengisi borang sebelum menggunakan sesuatu peralatan.

Bagi persoalan kajian 5 iaitu berkenaan faktor disiplin pelajar, item-item telah diuji dengan menggunakan kaedah statistik diskriptif iaitu berdasarkan kepada nilai min dan peratusan. Min keseluruhan bagi persoalan kajian ini ialah 3.57 iaitu di tahap sederhana yang menunjukkan faktor disiplin pelajar juga mempengaruhi kepuasan kerja guru teknikal.

Bagi item 30, hampir seluruh responden iaitu 96.7 % bersetuju bahawa pelajar-pelajar menghormati mereka sebagai guru sama ada di luar atau di dalam sekolah. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa guru-guru sentiasa di hormati walaupun dimana jua berada. Daripada hasil kajian juga mendapati pelajar-pelajar mendengar kata guru dan tidak melawan cakap guru, memberikan kerjasama yang sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan apabila dirangsang oleh guru, pelajar menunjukkan motivasi yang positif .

Nilai min terendah juga terdapat pada pernyataan item 28 di mana nilai min 2.90. Hanya 10 % responden bersetuju bahawa pelajar-pelajar sering membantu guru seperti membawa buku-buku ke bilik guru tanpa diminta. Selebihnya iaitu 43.4% tidak bersetuju dan 23.3% lagi tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak suka membantu guru kecuali diminta. Ia juga menunjukkan nilai-nilai murni seorang pelajar kurang diterapkan kepada mereka dan boleh menyumbang kepada masalah disiplin pelajar jika tidak di tangani dengan betul. Disiplin pelajar merupakan sesuatu yang sangat penting dan berkait rapat dengan kepuasan kerja guru. Selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Turina Tumeran (2004) menyatakan bahawa faktor disiplin pelajar mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal.

Rujukan

- Ahamad (2007). *Perutusan KPPM Sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2007 "Guru Penjana Modal Insan Gemilang"*. Johor Bahru: Persada Johor.
- Azizi *et. al* (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Arfah Salleh (1993). *Kitaran Perakaunan*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Pertanian. Bahagian Pendidikan Guru (1995) " Kursus Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran ". Kuala Lumpur: BPG
- Computer Based Learning (2005). *Modul Rancangan Mengajar Prinsip Perakaunan yang Mengintegrasikan Perisian ASSETBase*. Kuala Lumpur: CBL
- Computer Based Learning (2005). *ASSETBase Menghubungkan Pembelajaran dan Amalan*. Kuala Lumpur: CBL
- Rochester J.B (1996). *Using Computers & Information*. USA: Que E&T
- Rasidi Azizan (1986). " *Penggunaan Komputer dalam Pengajaran* ". Shah Alam: BIROTEKS ITM
- Gay, L. R (1981). *Education Research, 2nd Edition*. London: A Bell & Howell Company.
- Ibrahim (1998). " *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepemimpinan*." Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Ibrahim Ahmad (2004). *Asas Pengarangan Multimedia*. Selangor: Venton Publishing (M) SDN. BHD.
- Iskandar Ab Rashid (2003). *Open Office.Org*. Selangor: Venton Publishing (M) SDN. BHD
- Iskandar Ab. Rashid & Zaitun Ismail (2001). *Menguasai Internet*. Kuala Lumpur: Venton Publishing

- James E. Shuman (1998) *Multimedia in Action*. USA: ITP
- Kamus Dewan (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhamad Hasan Ab. Rahman (1998). "*Kertas kerja Seminar Tahap Penggunaan Komputer Di kalangan Guru Sekolah: Satu Tinjauan*". Kota Bharu. Teknologi Pendidikan Malaysia.
- Musa Hj Nor (1999). Kesediaan Guru-guru Kemahiran Hidup Di Daerah Pontian dari Segi Kemahiran dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Mook Soon Sang (2002). Pendidikan di Malaysia. Selangor. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Naim Hj Ahmad (1990). "*Kertas Kerja Seminar Pembudayaan Teknologi Pendidikan Ke arah Kecemerlangan Antara Peranan dan Strategi Agen Perubahan.*" Wilayah Persekutuan: IAB
- Nazri bin Joris (2002). *Mengenal Pasti Kaedah Pengajaran yang sering digunakan dalam mata pelajaran untuk Kejuruteraan Tingkatan 4 bagi sekolah akademik Daerah Johor Bahru*. UTM Tesis Sarjana Muda
- Norihan Mohd. Noor (1997). *Internet dan Pentingnya Kesedaran Terhadap Kepentingan Teknololgi maklumat*. Kuala Lumpur: Cahaya.
- Norjah Hassan (1998). *Komputer dan Pendidikan*. Selangor: UPM
- Rahil Mahyuddin et al.(1997). *Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran*. Selangor: Longman Malaysia.
- Snider R.C (1992). *The Machine in the Classroom*. Phi Delta Kappan